



UNIVERSITI
MALAYA

AMANAT TAHUN BAHARU NAIB CANSOLOR 2024

19 Februari 2024 (Isnin) • 9.30 pagi • Dewan Tunku Canselor



Home of the Bright, Land of the Brave
Di Sini Bermulanya Pintar, Tanah Tumpahnya Berani



Bismillahirrahmanirrahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

Saudara-saudari warga Universiti Malaya sekalian, tanpa mengira yang masih berkhidmat mahupun yang sudah beralih medan perjuangan.

Alhamdulillah, kita dapat bertemu dalam majlis yang berbahagia ini. Sebagai orang yang diamanahkan untuk memimpin pentadbiran Universiti Malaya, tentu sahaja saya sangat menghargai semua warga Universiti Malaya, daripada peringkat staf sokongan mahupun peringkat atasan. Penghargaan dan penghormatan juga saya sampaikan kepada semua yang pernah membangunkan institusi ini dan terima kasih kerana sudi hadir pada majlis ini.

Kebersamaan kita membangunkan Universiti Malaya sangat saya perlukan untuk kita menjadi kuat seperti kata pepatah: "lidi seberkas akan lebih kuat berbanding dengan lidi sebatang". Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.

Setiap Institusi Pengajian Tinggi, di dalam mahupun di luar negara, sedang berada di persimpangan yang sangat menarik, *an interesting crossroad!* Ia adalah cabaran baharu dalam mendepani detik transisi ke arah hala tuju yang dicorakkan oleh faktor dan pengaruh geopolitik, ekonomi, sains, dan teknologi yang akan mengubah rubrik percaturan masa depan universiti dan negara.

Saya percaya semua telah membaca mesej pertama dan kedua saya yang telah diedarkan sebelum ini. Saya komited kepada setiap ayat dan kenyataan yang diutarakan. Mesej saya itu merupakan hasrat nurani saya yang jelas dan konsisten bagi mencapai matlamat yang satu dan luhur, iaitu untuk melonjakkan universiti tercinta ini ke persada lebih tinggi.

Perjalanan di hadapan kita bukanlah mudah tapi ini merupakan laluan yang mesti kita lalui dan terokai bersama. Universiti Malaya menjadi lambang aspirasi dan kecintaan bangsa dan negara. Kita tidak boleh membiarkan perubahan luaran mencorakkan dan menentukan hala tuju universiti, tetapi kitalah yang bertanggungjawab menentukan masa hadapan kita.

Saya menzahirkan penghargaan kepada seluruh warga Universiti Malaya yang telah dan terus mempertingkatkan tradisi kecemerlangan sama ada dalam *ranking* antara universiti, pada aras negara, malahan di peringkat antarabangsa, terutamanya dalam aspek pembinaan tokoh-tokoh kepimpinan negara.

Keupayaan ini mesti dipertahankan, malah dipertingkatkan kerana tanda aras atau *benchmark* kita bukan hanya universiti dalam negara tetapi yang lebih mencabar ialah universiti bertaraf dunia.

“
Kita tidak boleh membiarkan perubahan luaran mencorakkan dan menentukan hala tuju universiti, tetapi kitalah yang bertanggungjawab menentukan masa hadapan kita.”

Saya bukanlah yang terbaik antara tuan puan. Tetapi saya telah diberi amanah untuk mengemudikan universiti terbaik ini untuk menjadi lebih baik. Bagi tujuan itu, kita memerlukan kesatuan fikrah dan tindakan. Jika ada, perbezaan pandangan, jangan pula itu menjadi punca perpecahan tetapi hendaklah kita mencari titik persamaan. Perbezaan pandangan, jika diselaraskan mampu menjadi pelengkap atau compliment antara satu sama lain. Yang penting ialah matlamat kita menjurus ke suatu arah, iaitu keluhuran tujuan yang sacral.

Dalam memikul tanggungjawab ini, saya akan memastikan bahawa dasar atau polisi serta keputusan yang dibuat mesti berlandaskan objektif dan prinsip yang betul, serta niat yang murni.

Dengan objektif yang hanya berpaksikan keperluan, kepentingan, dan pulangan yang baik kepada universiti, dasar yang dibuat mestilah mengikut acuan kepada realiti, kebenaran, dan keberanian untuk membuat perubahan.

Semua ini dibuat bukan untuk mengejar populariti atau untuk kepentingan peribadi. Tanggungjawab saya dan kita semua mesti bersandarkan kejelasan dan kesucian niat demi kecemerlangan institusi yang kita cintai ini. Peranan dan sumbangan ini mesti ikhlas dengan mengambil kira *the bigger picture* atau skala yang lebih besar dalam pulangan berangkai kepada universiti, negara, dan kemanusiaan sejagat.

Boleh sahaja kita berpeluk tubuh dan bersandar pada kejayaan yang telah dicapai serta meneruskan dasar yang disenangi ramai. Saya akan menjadi individu atau Naib Canselor yang popular. Tetapi ini bukan sandiwara atau pentas politik.

Amanah yang saya dan kita semua terima merupakan tanggungjawab yang kritikal dan wajib untuk kita semua laksanakan secara jujur dan sepenuh kudrat.

Polisi dan perubahan bersifat populis tidak semestinya akan mendatangkan kebaikan kepada universiti. Pelaksanaan reformasi dan perubahan haruslah untuk suatu tujuan murni, iaitu untuk mengangkat kecemerlangan universiti.

Dalam proses bergerak ke hadapan dan menghadapi cabaran baharu, modal insan berkelas dunia menjadi sandaran serta landasan dalam setiap tindakan Universiti.

Kita menyandarkan harapan tinggi dan visi kepada warga kampus untuk melaksanakan segala plan strategi dan tindakan, dan kita memerlukan sepenuh kebolehan, dedikasi, serta kepakaran seluruh staf, pelajar, dan warga kita untuk menjayakan hasrat ini bersama.

“
...dasar yang dibuat mestilah mengikut acuan kepada realiti, kebenaran, dan keberanian untuk membuat perubahan.”

“
Pelaksanaan reformasi dan perubahan haruslah untuk suatu tujuan murni, iaitu untuk mengangkat kecemerlangan universiti.”

BOLD NEW DRIVE AND VISION

This world is becoming more and more borderless. Universiti Malaya must not be confined only to the physical boundary of being in the Klang Valley alone. The core of our knowledge and research creation and capacity that has produced global leaders and revolutionised the realm of intellectualism must be well resonated and represented not only throughout the country but the diverse geographical parts of the world as well.

What is important is our culture and celebration of knowledge cultivation as well as our brand of top quality academic and research excellence. These should not be stagnant or in plateau but instead continue to be expanded and felt throughout the world.


This is only made possible with the right and dedicated human capital. We shall continue to export our brand of world class education and intellectualism through our academic and research offerings.

I recognise the need to build and leverage on a durable and competent human capital pool that will form the backbone of the University. For this, real recognition based on merit and performance will be the order of the day.

The past is now passed. We must not let our past entrap us. Don't blame the past anymore and blame the old systems or the processes. Whatever is past, we ourselves now have the power to correct everything that is wrong. If we do not correct now, then you can blame me for not exercising my power when given the chance.

“
We shall continue to export our brand of world class education and intellectualism through our academic and research offerings.
”

“
The past is now passed. We must not let our past entrap us. Don't blame the past anymore and blame the old systems or the processes.
”





Cabaran yang
mendatang akan
lebih mencabar. *No
more business as
usual!* Kita tidak
boleh meneruskan
kebiasaan dan
complacent approach.



AMANAH MENGANGKAT DARJAT UNIVERSITI

Suka menangguk dan mengekalkan *status quo* bukanlah opsi. Dalam era baharu *post normal*, perubahan drastik global menuntut *agility* dan kekentalan semangat untuk kita bertindak pantas dan terus kekal di hadapan dalam membentuk perubahan demi negara dan kemanusiaan sejagat.

Kita tidak boleh leka, dan proses kerja mesti berdasarkan *action-oriented and outcomes-based approach*. Kita tidak boleh lagi terperangkap dalam kepompong lama, mentaliti dan cara kerja yang mediocre. Era dunia baharu dengan cabaran geopolitik dan ekonomi serta transformasi demografi memerlukan perubahan yang sejajar dengan pendekatan dan mentaliti modal insan.

It's the people that create the systems and processes, and it's the people that should change the entire ecosystem, and not blame the systems or rules.



Punca yang sering menjadi masalah selain sikap dan keengganan untuk berubah ialah sistem penyampaian dan komunikasi. Ini mesti diubah sekarang.

Cabaran yang mendatang akan lebih mencabar. *No more business as usual!* Kita tidak boleh meneruskan kebiasaan dan *complacent approach*. Impak daripada perubahan iklim, ancaman geopolitik, ekonomi, keselamatan serantau dan dunia, cabaran demografi, kerancuan prinsip dan ideologi akan menguji daya ketahanan sesebuah negara. Universiti tidak terkecuali!

Perubahan demografi akan datang akan menyaksikan kemelut *ageing society* dalam bentuk perspektif dan tuntutan generasi Z dan Alpha.

Konteks dan tuntutan daripada generasi baharu serta perubahan dalam pengajian tinggi global mengubah rubrik konsep dan erti pengajian tinggi, khususnya dari segi kepentingan dan impak sebenar konsep pengajian universiti dan penyelidikan. Kesemua ini mesti diambil kira dalam transformasi universiti demi kepentingan masyarakat dan negara.

RISING SYSTEMIC FUTURE RISKS AND CHALLENGES

The university business model is under great strain and risks, with the increasing pressures on the higher-education industry in recent decades.

For Universiti Malaya to leap for the stars, two pertinent factors must be adequate: knowledge and financial resources. Although we have received strong support from the government, especially the Ministry of Higher Education, to meet the demands of an evolving higher education sphere, University must cultivate their finances now while considering major transformations in what they offer, how, and to whom.

We need a skilled workforce and a robust internal infrastructure to confront these challenges. It is imperative to halt our internal decline, reevaluate our approach to combat complacency and stagnation, and shift our fixed mentality and mindset towards one of adaptability and growth.


Transformative change requires charismatic leaders with vision and courage to take risks and confront opposition. It also demands a strong action on the key fundamentals: costs, revenue, market trends, and communication. I don't mean individual leaders among us but our collective leaders and more importantly, the leadership that Universiti Malaya had been leading till today. For this, I would like to express my heartfelt appreciation to our Board Members and past Vice-Chancellors who always strive to transform and evolve the institution according to the changes of the eras.



“

For Universiti Malaya to leap for the stars, two pertinent factors must be adequate: knowledge and financial resources...University must cultivate their finances now while considering major transformations in what they offer, how, and to whom.


”



NAFAS BAHARU PELAN STRATEGI REFORMASI

Dengan mengambil kira Pelan Tindakan Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2024 oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi, reformasi perubahan ini akan diguna pakai.

Strategi Pelan Transformasi Universiti Malaya 2030 sebelum ini yang mempunyai 25 Objektif, 60 Strategi, dan 157 Inisiatif tetap relevan tetapi memerlukan pengemaskinian dengan nafas baharu bagi Universiti Malaya memfokuskan strategi seperti berikut:



Kerangka strategi ini menggembeng **tiga** landasan utama, **lima** Teras Pelan Tindakan Strategik, **sepuluh** Tujahan Baharu, **tiga** Fasa Peralihan, **lima puluh** Sasaran Tindakan, dan **satu** Penyataan Baharu.

Maklumat terperinci mengenai strategi dan dasar reformasi baharu **3 – 5 – 10: 3 – 50 – 1** ini akan diberikan dalam masa terdekat dalam bentuk penjelasan dan hala tuju terperinci.



TIGA (3) LANDASAN UTAMA

1. Communitize Universiti Malaya
2. Industrialize Universiti Malaya
3. Internationalize Universiti Malaya



LIMA (5) PELAN TINDAKAN STRATEGIK

1. Structure and System
2. Talent and Human Capital Advancement
3. Knowledge, Research, and Financial Resilience
4. Top Global Standards and Future Readiness
5. Humanity, New Technology, and Scientific Transition




SEPULUH (10) TUJAHAN BAHARU

1. Nuclear energy and new energy transition
2. Food sustainability and security
3. Semiconductor and chips
4. Nanotechnology and quantum exploration
5. Artificial Intelligence and digital robotic realms
6. Space science and new engineering spectrum
7. Defence and security assets and inventory innovation and creation
8. Rare earths and critical minerals
9. Comprehensive medical and health spectrum excellence
10. Social Science Advancement in Economic, Smart Finance, Societal, International Norms and Law, and Geopolitical Spectrum for the Nation and the World




PHASE 1
BUILDING STRONG AND RESILIENT INNER CORE IN A MISSION LED & FORWARD-LOOKING LEADERSHIP FRAMEWORK

- i. Talent Cultivation and Advancing Human Capital
- ii. Values, Trust, Ideals, and Sense of Purpose and Direction
- iii. Technology, Knowledge, and Resources


PHASE 2
ENCOMPASSING ASSESSMENT, FUTURISTIC FORESIGHT AND ADAPTABILITY

- i. Maintaining Role of Progressive Chain, Knowledge Creation and Driver of Change and Progress
- ii. Synergising Mind & Machine, Brainpower and Technology
- iii. Reimagining education and objective – produce impactful, value-driven, purpose-based, and mission-led human capital, and assisting nations for the next phase of growth and transition.

PHASE 3
FUTURE DRIVEN AGILITY, DURABILITY, SUSTAINABILITY, AND IMPACT-ORIENTED OUTCOME

- i. Strategic and Visionary Leadership
- ii. Sustainable Policy Mapping and Execution
- iii. Comprehensive Trend and Change Assessment and Analysis
- iv. Galvanisation of Strength and Resources (A-Whole Of University & Industry Approach)
- v. Eliminating territorial based work and silo culture, closed work system, negative jealousy-based sabotages, etc.
- vi. Transforming progressive mindset and self-initiative led renewal for change management vs fixed and transactional mindset.



Sasaran tindakan ini perlulah diteliti dan dihayati pada seluruh peringkat seperti operasi dan strategi. Antaranya termasuklah

1. Incorporation of flexibility in the process and decision-making support
2. Merit-based talent mobility and advancement of human capital DAN;
3. Ensuring all departments grasp and understand the bigger picture and overarching goal and strategic mission of UM.

Selain itu, sebagai permulaan titik baharu reformasi universiti, saya juga melancarkan

HOME OF THE BRIGHT, LAND OF THE BRAVE

atau jika diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu

DI SINI BERMULANYA PINTAR, TANAH TUMPAHNYA BERANI

1. Pintar: pintar berfikir, pintar sistem, pintar keputusan, pintar proses, pintar melabur, pintar menjana, pintar kampus, dan pintar segala pintar.

DAN ia diiringi dengan

2. Berani: berani melakukan perubahan, berani membuat keputusan, berani mengkritik, berani mencuba, berani bersuara, berani menjadi pelopor, dan berani segala berani.

Kesemua teras ini merentasi domain semasa yang menjadi kekuatan kita. Ia juga meliputi bidang tujahan baharu yang akan menjadi sandaran strategik dan kritikal yang masih dalam proses untuk diperkasakan kepakaran dan penguasaan dalam bidang tersebut.

Kesemua ini akan menjadi teras masa depan dalam membentuk haluan strategik dan pulangan baharu kepada keperluan negara dan juga untuk ketamadunan global.

Universiti Malaya perlu menjadi living model kepada bangsa, rakyat, dan industri, serta memberikan sinar harapan dan panduan kepada Kerajaan dan negara dalam melakar kerangka dan model baharu demi pembangunan negara dan masyarakat.



PENGANTARABANGSAAN DAN WORLD-CLASS BRANDING


Dalam konteks pengantarabangsaan, Universiti Malaya akan terus melonjakkan impak dan reputasinya dengan memberikan kesan langsung kepada masyarakat dan kemanusiaan global.

Strategic global amplification of internationalisation strategies in new branding, comprehensive partnerships and regional targeting and impact will be the way forward. In this outlook, six main internationalization strategies will be the priorities.



The Six (6) Strategies are:

- 1** Research Impact, Reputation and Visibility
- 2** University Branding, Media Impact and Societal Awareness
- 3** Leading Global Solutions to Future Challenges
- 4** Governmental and Community Presence in Existing and New Top Regions of Growth
- 5** Empowering Talent and Expertise Advancement Through Internationalised Approach of Knowledge and Human Capital Transfer
- 6** Projecting New Leadership and Strategic Returns in Future Key Critical Technological and Scientific Sectors





“
...kita perlu memfokuskan pembangunan manusiawi yang setara dengan pembangunan dan kemajuan aset nyata
”

POST NORMAL ERA AND AGILITY OF UNIVERSITIES

Dalam era *post normal times* kita menyaksikan perubahan mendadak dalam semua sektor; oleh itu, transformasi dan reformasi dalaman mesti dilakukan.

Dalam gagasan menggapai bintang dan mencecah lembaran baharu yang diimpikan, kita perlu memfokuskan pembangunan manusiawi yang setara dengan pembangunan dan kemajuan aset nyata. Pembangunan yang dimaksudkan ialah prinsip yang berlandaskan nilai manusiawi, transformasi sikap, moral, etika, dan sahsiah.

Dalam usaha untuk mengangkat darjat kemajuan dan pembangunan baharu, kita tidak boleh mengetepikan tuntutan kritikal dalam aspek integriti dan tatakelola yang jitu, bertanggungjawab, dan beretika. Cara

kerja dan tatakelola yang amanah serta berintegriti mesti bergerak seiring dengan haluan kita untuk mencapai kecemerlangan fizikal.

Kita mesti membentuk wacana dan rencana kalis masa depan yang akan melahirkan intelektual yang berani dan yakin untuk mencorakkan imaginasi serta dasar strategik bagi memberikan pulangan kepada negara.

Masa hadapan akan menjadi medan kritikal untuk kita gagaskan bersama-sama demi memastikan negara dan warganya berdaya tahan dan teguh peribadi dalam membangunkan masa depan.

Sistem lama yang menggalang perkembangan baharu mesti diubah, dan Universiti Malaya perlu kental dalam hasrat melakukan anjakan paradigma.

Dalam perubahan ini, Universiti Malaya perlu yakin dan berani membuat perubahan dan transformasi strategik, dalam usaha menggapai langit dan mencorakkan acuan baharu, dan tetap kental dalam norma dan nilai negara dengan Universiti Malaya, bersinonim dengan pernyataan baharu **Home of the Bright, Land of the Brave. Di Sini Bermulanya Pintar, Tanah Tumpahnya Berani**

“
Kita mesti membentuk wacana dan rencana kalis masa depan yang akan melahirkan intelektual yang berani dan yakin
”

MEMBAIKI KEKANGAN LAMA, MENONGKAH ARUS BAHARU

“
Jangan kita kekal terpalit dengan budaya dan mentaliti yang akan menjejaskan peluang menggapai kejayaan dan potensi masa depan kita.
”

Suatu peringatan untuk diri saya dan kita semua: Jangan kita kekal terpalit dengan budaya dan mentaliti yang akan menjejaskan peluang menggapai kejayaan dan potensi masa depan kita.

We know the problems, and yet we don't solve the problems. This is our main problem.

Kita sedar tentang segala masalah serta kepincangan yang berlaku, namun, kita tidak berani atau leka untuk menyelesaikan kesemua masalah ini.



My main message and focus moving forward is to transform the university into a world class institution that is pillared by a future driven workforce and a capable and united pool of talents in charting new frontiers of eminence.

Pemantauan prestasi kerja kepada semua staf yang memegang tampuk kepimpinan di semua peringkat akan dijalankan, dan langkah intervensi akan dilakukan demi memastikan mereka akan terus memberikan kualiti perkhidmatan yang diperlukan. Jika staf tersebut masih gagal untuk mencapai *standard* dan *outcomes* yang diinginkan, langkah intervensi awal akan dilakukan. Langkah ini bertujuan menghapuskan takuk kekangan atau *impasse of spiralling negative stagnation* akibat daripada sistem lama yang membiarkan staf tersebut untuk kekal berada di posisi tersebut sepanjang tempoh lantikan. Kekuatan staf juga akan dilihat melalui program latihan khas yang dinilai dan diperhatikan oleh profesional yang kemudiannya akan diguna pakai untuk meletakkan seseorang itu pada posisi jawatan yang bersesuaian.

PEMERKASAAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN



Ahli akademik, tanpa mengira pangkat atau senioriti, mesti memastikan semua hasil kerja penerbitan, penyelidikan, dan sumbangan akademik di semua platform dalam dan luar negara mengikut piawaian tertinggi global.



Pembangunan kritikal menyeluruh pelajar akan terus diperkasakan. Pembangunan pelajar dalam semua aspek termasuk kepakaran *teaching and learning*, pembangunan sahsiah, kemahiran insaniah, pembangunan bakat kesenian dan kecergasan fizikal. Ini amat perlu dititikberatkan untuk melahirkan mahasiswa holistik dan kompetitif, berpeluang mendapat pekerjaan berkualiti dan berpendapatan tinggi.

Paling kritikal, ialah keperluan mahasiswa dan graduan untuk terus menyumbang kepada pembangunan negara.

Dalam pengurusan modal insan di persada antarabangsa, nilai kerohanian akan menjadi unsur penting. Bagi Universiti Malaya yang sangat mengutamakan kesamarataan, mereka yang mempunyai kelainan upaya akan diberi pertimbangan khas dalam aspek pengurusan staf. Universiti kini mempunyai seramai 77 pelajar dan 24 staf kurang upaya. Kesejahteraan dan keperluan khas mereka akan terus diberi perhatian. Penekanan bukan hanya diberikan kepada keperluan persekitaran fizikal bahkan akan diperluas kepada keperluan khas pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah serta sistem sokongan bagi pelbagai kategori ketidakupayaan.

Dalam memastikan kecemerlangan akademik terus terpelihara dan diperkasakan, kualiti *output* akademik akan terus diangkat. Ahli akademik, tanpa mengira pangkat atau senioriti, mesti memastikan semua hasil kerja penerbitan, penyelidikan, dan sumbangan akademik di semua platform dalam dan luar negara mengikut piawaian tertinggi global. Lantaran kita ialah universiti terunggul, maka kita mesti terus menjadi *trendsetter* dalam *academic integrity*, *academic honesty*, dan *academic excellence*.

Sumbangan akademik ini mesti berlunaskan impak positif kepada negara dan dunia, lalu diterjemahkan kepada *impak on the ground* kepada masyarakat dan kemanusiaan dalam semua bidang. Kita tidak boleh meneruskan cara akademik dan penyelidikan lama dengan konsep *headless chicken* atau syok sendiri sekadar untuk mencapai KPI atau tugas penyelidikan yang diberikan.



Our research focus, intention and strategy must be future driven and to meet the critical needs of the nation, the world, and humanity.

Setiap perancangan akademik dan penyelidikan mesti berkisar pada sasaran *future foresight* yang strategik dan memberikan pulangan yang betul kepada kepentingan negara atau *national interest* dan juga keperluan sejagat, *global interest*, dengan berfokus kepada bidang kritikal masa depan yang mungkin tidak lagi menjadi perhatian sekarang. Kita perlu berani dalam membuat anjakan dengan cara menyuntik pelaburan dalam platform yang baharu serta gigih mencari dan memulakan langkah di laluan baharu di samping berani untuk mengambil *calculated risk*.



Kita tidak boleh meneruskan cara akademik dan penyelidikan lama dengan konsep *headless chicken* atau syok sendiri sekadar untuk mencapai KPI atau tugas penyelidikan yang diberikan.



AMANAH DAN TANGGUNGJAWAB

Amanah merupakan nilai tunjang kepada keberkesanan sesuatu amalan kerja. Nilai ini berperanan sebagai prinsip luaran dan dalaman individu dari awal hingga tamat sesuatu proses kerja. Wahbah al-Zuhaili dalam *Tafsir Al-Munir* (1991) mentakrifkan amanah sebagai sesuatu kerja atau keperluan yang diberikan kepada seseorang untuk dilaksanakan atau dipelihara. Keseluruhan amanah ini telah ditekankan dalam pelbagai teks wahyu dalam al-Quran dan al-Sunnah.



Universiti Malaya hanya akan mencapai kecemerlangan sekiranya amanah menjadi pakaian peribadi semua warganya.



Selain itu, Confucius pernah memberitahu muridnya, Tsze-kung, bahawa tiga perkara diperlukan untuk kerajaan: senjata, makanan dan amanah. Jika seorang penguasa tidak dapat berpegang pada ketiga-tiganya, dia harus menyerahkan senjata terlebih dahulu, dan makanan seterusnya. Amanah harus dijaga hingga akhir: “tanpa amanah kita tidak boleh berdiri”.

Amanah dan integriti menjadi salah satu nilai dalam amalan kerja yang wajib diamalkan. Kes rasuah, kerja separuh jalan, kelalaian dan pengabaian kerja berpunca daripada kegagalan memahami tuntutan amanah. Universiti Malaya hanya akan mencapai kecemerlangan sekiranya amanah menjadi pakaian peribadi semua warganya.

MENCORAKKAN LEMBARAN BAHARU BAGI NEGARA DAN KETAMADUNAN DUNIA – PERANAN MASA DEPAN UNIVERSITI MALAYA

Gagasan strategik alaf baharu dan hala tuju negara dalam menempuh abad mendatang akan dibentuk oleh pelbagai dimensi yang bakal menguji daya tahan dalam empat penjurua strategik dan kritikal. Setiap penanda aras ini memainkan peranan tersendiri dan sebagai pelengkap kepada yang lain, dalam memastikan kelestarian, kejituan, dan keutuhan pembangunan negara dalam tindak balas terhadap cabaran abad akan datang.

Ini dirangkumi dalam domain yang berikut:

1

Speed and agility
menjadi faktor perangsang utama yang menuntut kesediaan untuk menjadi fleksibel, tuntas, pantas, dan strategik dalam menghadapi perubahan pantas.

2

Innovative invention
menjadi nadi utama dalam transformasi struktur dan asas ekonomi yang berlunaskan lonjakan masa depan, dalam teraju pemangkin negara untuk memecahkan kepompong lama.

3

Knowledge and resources
menjamin lonjakan daya saing modal insan, pengendalian dan pemacuan sumber kekayaan dan aset fizikal, serta fokus strategik pembangunan ekonomi menjadi medan kritikal dalam dijadikan bekalan dan suntikan utama dalam mencetus pembangunan berterusan.

4

Institutional resilience
memperkasa kekentalan institusi dalaman dari segi keutuhan sistem dan corak landasan tata negara, tatakelola, landasan dan pegangan prinsip asas serta sistem governans yang berlunaskan perubahan masa depan, namun tetap kukuh dalam memperkasa norma dan nilai dalaman.



MENCORAK LANDASAN MASA DEPAN UTUH


Medan baharu berlandaskan *solution-based approach* mesti diamalkan, dalam menghadapi kekangan dan cabaran abad akan datang.

Dengan adanya *seamless connectivity and interdependence* yang akan memecah takuk lama, konsep negara, kedaulatan, dan global citizenship menjadi pertarungan dalam kancah dimensi masa baharu yang akan menggugat sistem dan budaya lama. Semua ini memberikan cabaran baharu yang memerlukan pemahaman baharu.

Negara mesti mencari sumber kekuatan baharu yang akan memberikan pulangan strategik dan berangkai. Ini termasuk dalam landskap sumber mineral baharu dan memberikan penekanan kepada aset nyata kedudukan geografi yang akan menjadi tunjang kuasa baharu.



Medan baharu berlandaskan *solution-based approach* mesti diamalkan, dalam menghadapi kekangan dan cabaran abad akan datang.



Paksi tumpuan kuasa dunia baharu dalam 100 tahun akan datang akan mengalami perubahan drastik yang akan menyaksikan kemunculan paksi dan pelaku kuasa baharu yang akan mengubah rubrik ekonomi dan geopolitik dunia.

Kelestarian dan kekukuhan jaminan masa depan memerlukan daya tahan kapasiti sumber asli, mentah dan kekayaan modal kapital serta kepakaran modal insan dalam sinergi strategik.

Sektor tenaga baharu dan tenaga hijau menjadi skop fokus utama dalam menjamin kapasiti penjana negara. Aset dan sandaran tradisional dulu dan kini, jaminan bekalan minyak dan gas tidak lagi berfungsi sebagai faktor penjana ekonomi dan modal negara menjelang 2100.

Ini termasuk tenaga nuklear dan tenaga hijau lain dalam memainkan dwi-fungsi jaminan alam sekitar dan impak karbon serta sandaran bekalan kuasa yang mencukupi dalam menampung struktur ekonomi baharu.

FOKUS STRATEGIK BAHARU BAGI MENGANGKAT KECEMERLANGAN DUNIA DAN SERANTAU

Fokus mesti diberikan terhadap jaminan keselamatan makanan, sumber dan tenaga. Ini perlu sejajar dengan perkembangan dan pembaharuan teknologi dan industri yang akan berlandaskan peredaran zaman baharu. Keperluan pembangunan dua sektor ini perlu selari dalam memastikan pulangan yang diraih memenuhi tuntutan mendesak cabaran baharu.

Bidang masa depan seperti semikonduktor, kepintaran buatan dan robotik, penerokaan alam semesta dan kemajuan digital semuanya akan membentuk dimensi baharu dalam konsep kemanusiaan.

Dalam proses transformasi struktur ekonomi daripada landasan sedia ada berasaskan pembuatan, perkhidmatan dan komoditi, persediaan awal mesti diperbetulkan dalam landasan sektor baharu masa depan terutamanya nadir bumi, semikonduktor, kepintaran buatan, sains semesta, keselamatan makanan dan tenaga dan lain-lain.

Kekentalan institusi serta kepakaran dalaman harus dipergilap dalam menghadapi impak perubahan iklim yang akan menjadi lebih serius.



Malaysia harus memastikan keunikan sistem, legasi dan sejarah pembinaan negara kekal terpelihara dan dipertahankan.



Perubahan ketara dalam tempoh masa yang singkat ini telah mengubah corak dan rubrik kemanusiaan dan perjalanan ekonomi dan politik global yang tidak pernah dilihat dalam sejarah manusia.

Transisi pantas masa depan akan menyaksikan mobiliti ilmu, modal insan, kepakaran, teknologi dan sumber menjadi norma biasa dan strategi khusus mesti dirangka dalam memastikan pulangan tepat diraih.

Malaysia harus memastikan keunikan sistem, legasi dan sejarah pembinaan negara kekal terpelihara dan dipertahankan. Sejarah 100 tahun lepas menyaksikan konflik dan kecelaruan politik, perang dan ekonomi yang melanda dunia dan juga negara yang membawa kepada kepincangan sistem, dampak dan struktur.

Negara akan mengalami perubahan demografi baharu yang akan mengubah domain dan corak pentadbiran dan lanskap negara.





KAYU UKUR PEMBANGUNAN NEGARA BERLANDASKAN KEKUATAN ILMU DAN NILAI

Dalam menelusuri lakaran pembangunan landskap politik dan pembangunan negara yang baharu, prinsip dan nilai asas negara yang bertunjangkan kepada kesetiaan dan ketaatan kepada Raja dan Negara dan keluhuran Perlembagaan serta pemupukan perpaduan dan kesejahteraan masyarakat menjadi kayu ukur penghasilan landasan yang teguh dalam menjana transformasi hala tuju pembangunan negara dan galvanisasi holistik modal insan.

Dalam merungkai halangan masa depan dan merentasi polemik lama, penghargaan dan pengiktirafan setiap lapisan masyarakat untuk terus menzahirkan usaha dan pengorbanan kepada negara yang berlandaskan keutuhan semangat patriotisme dan cintakan negara menjadi pegangan

bersama yang akan terus mekar dalam dinamika kelangsungannya yang kebal dimamah usia.

Justeru, Universiti Malaya perlu dan mesti memimpin laluan baharu untuk negara.

Cabaran baharu akan turut mempertaruhkan keteguhan dan kelestarian institusi dalaman dan nukleus dinamika pembangunan ekonomi negara di medan ujian yang tertinggi.

Peranan Universiti Malaya dalam membentuk acuan baharu ini menjadi sandaran kepentingan negara.

Lembaran wadah politik baharu negara perlu menyaksikan tahap profesionalisme serta perubahan futuristik dalam meletakkan masyarakat dan negara sebagai tunjang utama dan perencanaan perjalanan politik perlu merentasi spektrum konvensional di mana aspek taksu-kepartian dan pemecah serta penghalang kepada perpaduan dan kesejagatan keharmonian tidak lagi dijadikan sebagai bekalan kepentingan politik, sebaliknya terus berganding bahu dalam memikul semangat tanggungjawab dan patriotisme dalam mengangkat negara ke persada yang diimpikan.

Dalam memecah kepompong dan ikatan politik sempit dan kuno, sandaran perlu diperkukuh ke atas transformasi penghayatan dan penerapan prinsip, pegangan dan nilai universal yang menjunjung keluhuran dan kemurnian pembinaan tata negara dan kapasiti penjenamaan politik berasaskan etika dan moral.

“
**...Universiti Malaya
 perlu dan mesti
 memimpin laluan
 baharu untuk negara.**
 ”



LANDASAN PERANAN UNIVERSITI MALAYA

Universiti Malaya akan terus proaktif, strategik dan futuristik dalam memperkasa landasan baharu sektor dan tumpuan penyelidikan yang akan melonjak kepentingan negara.

Pemindahan ilmu menjadi faktor kritikal dalam memastikan kelestarian komuniti dan kemanusiaan tercapai, dan ini diterjemahkan dalam hasrat baharu Universiti Malaya sebagai medan utama transformasi kehidupan komuniti seluruh Malaysia di semua daerah dan negeri dan juga impak kepada masyarakat global.

Sistem lama yang menghambat sistem penyampaian dan tidak menyambut baik perkembangan terkini mesti dihentikan, dan Universiti Malaya kental dalam hasrat anjakan lembaran baharu ini

Dalam merencana perubahan ini, saya berharap Universiti Malaya berpegang teguh bersama saya untuk yakin dan berani dalam membuat perubahan dan transformasi strategik, dalam usaha menggapai langit dan mencorak acuan baharu, dan tetap kental dalam norma dan nilai.

Kecemerlangan negara diangkat dengan berpaksikan pembangunan yang berlandaskan daya saing futuristik, kesepaduan dan transformasi minda serta kesungguhan masyarakat dalam mencetus usaha bersama.

Ini akan diterajui oleh Universiti Malaya dalam membentuk gagasan baharu. Teras utama dalam memastikan hasil dan impak penyelidikan akan bersasarkan kepada fokus terhadap sektor utama yang akan membentuk hala tuju negara masa depan.



Pemindahan ilmu menjadi faktor kritikal dalam memastikan kelestarian komuniti dan kemanusiaan tercapai.. hasrat baharu Universiti Malaya sebagai medan utama transformasi kehidupan komuniti seluruh Malaysia...dan juga impak kepada masyarakat global.



KEMAJUAN MANUSIAWI, SANDARAN NILAI DAN PEGANGAN PRINSIP

Keunikan makna dan sandaran kepada nilai, wawasan, pegangan serta prinsip jati diri dan patriotisme kepada negara tercinta menjadi titik tolak dan peneraju kepada masa depan negara.

Dalam usaha untuk menggegarkan angkasa, mentaliti dan hala tuju mesti bergerak seiring dalam meninggalkan perangkap kepompong lama.

Dalam aspek memajukan negara dalam semua dimensi, Universiti Malaya sebagai universiti terulung dan terbaik negara akan terus menjadi sandaran dan penjulung negara.

Sumbangan, impak dan pulangan Universiti Malaya kepada kejayaan negara dalam mengatur strategi, dasar, polisi dan keagungan intelektual dan kepakaran dalam menjulang hasrat masa depan negara kekal menjadi hasrat utama negara untuk membawa perubahan dan harapan kepada bangsa dan generasi baharu.

Salah satu daripada kebanggaan Universiti Malaya adalah kita sentiasa di hadapan dalam melahirkan barisan kepimpinan negara dan pelapisnya. Agenda ini akan diteruskan terutama dalam meningkatkan kualiti kepimpinan yang dilahirkan oleh Univerisiti untuk negara.

“
Dalam aspek memajukan negara dalam semua dimensi, Universiti Malaya ... akan terus menjadi sandaran dan penjulung negara.

”



PERUBAHAN DALAM MEMBENTUK IMPAK LANGSUNG

Perubahan mesti dibuat untuk membawa kebaikan kepada pelajar dan warga kampus.



Perkhidmatan seperti bas dalam kampus telah pun diperbaharui. Jalan-jalan akan diturapkan sepenuhnya. *All the services provided to the campus community from now on will be given with minimal charges or being given totally free. We cannot and must not focus on the unnecessary distractions, without ignoring the bigger priorities.*



Semua kemudahan dalam kampus termasuk fasiliti sukan atau dewan kuliah kini boleh digunakan oleh semua pelajar dan warga kampus tanpa sebarang bayaran. Saya berpegang kepada keperluan untuk memudah cara dan membentuk platform kepada warga kita untuk berjaya, dan bukannya terus berpegang kepada cara lama.



Permintaan daripada fakulti atau jabatan akan diteliti dan dipenuhi sebanyak yang boleh. Sistem aircond yang setelah sekian lama rosak dan tidak diberi perhatian secara bertahun-tahun kini telah dalam proses pembaikan. Sistem penyampaian dan pengangkutan termasuk bas dalam kampus yang tidak mencukupi dan efisien kini telah diberi perhatian yang sepatutnya.



Fasiliti dan kemudahan asas serta berlandaskan masa depan akan menjadi perancangan tertumpu, dan proses pendigitalan dan pemusatan fasiliti tertentu termasuk baik pulih aset serta kemudahan penyelidikan, pembelajaran dan pengajaran, kolej kediaman dan banyak lagi.



Proses kenaikan pangkat dari sekarang akan berdasarkan kepada merit dan dipercepatkan dan dipermudahkan kepada calon yang berkeelayakan. Tiada lagi toleransi akan diberikan kepada sebarang proses lambat yang mengekang peluang dan penghargaan yang diberikan sewajarnya kepada yang layak untuk diiktiraf.



Kebajikan warga kampus termasuk pelajar dan staf terus menjadi prioriti utama saya dalam menggalas tanggungjawab ini. Jalan keluar harus dicari terhadap isu staf kontrak yang telah sekian lama menjadi duri dalam daging.

Mulai sekarang, kepada staf bukan akademik, tiada lagi servis kontrak jangka pendek akan diberikan selepas tempoh minimum 3 tahun. Sebarang staf kontrak yang dilantik akan diserapkan dalam skim kontrak jangka panjang atau akan dicari jalan untuk menetapkan staf tersebut.



All good and competent staff will be recognised duly with no fear or favour, regardless of all factors including grade, background, employment type, race, gender, or any other affiliation.



Tuntutan Over Time (OT) juga tidak akan disekat dari segi jumlah dan tempoh masa, mengikut tetapan dan jumlah kerja yang dilakukan yang mesti disokong dengan justifikasi yang munasabah. Jika perkhidmatan dan kerja telah diberikan, pihak universiti tidak akan menyekat ganjaran yang sepatutnya.





Any proven and competent staff will be given the right appreciation and recognition in terms of long overdue promotion or other recognitions appropriate.



Skim pemerksaan pembelajaran berterusan akan ditingkatkan dengan pemberian pengecualian yuran Ijazah Sarjana Muda/Ijazah Sarjana dan PhD kepada staf yang mempunyai kecenderungan dan kebolehan untuk melanjutkan pelajaran sambil bekerja di Universiti Malaya. Untuk permulaan tahun 2024, sebanyak 25 slot akan diberikan kepada mereka yang layak. Bagi memastikan pemerksaan berterusan staf yang berpotensi akan ditindikkan kepada agensi Kerajaan atau Swasta, dan mensasarkan seramai 10 orang bagi tahun ini.



Dalam memastikan keefisienan perkhidmatan dan penyampaian kepada pelajar dan juga pemegang taruh yang lain dalam mahupun luar negara, konsep *the right person at the right place at the right time* akan menjadi strategi masa depan.



Lebih banyak sesi bersemuka dengan warga kampus akan diadakan, dan sesi dialog serta *townhalls* akan dipertingkatkan dengan penglibatan pengurusan universiti.



Ini adalah komitmen saya! Kebajikan staf dan pelajar akan terus menjadi prioriti utama saya!. Pandangan jujur dan Ikhlas demi Universiti Malaya daripada KMUM, PKAUM, KKAUM, PEKERTI dan semua Persatuan-persatuan dalam Universiti Malaya sangat saya alukan dan perjumpaan dengan Pengurusan akan dipastikan secara berkala.



THE BEST IS YET TO COME

We need money and knowledge in order for us to expand and excel. Hence, we must find ways to get the most returns from these two aspects. We need to generate new sources of revenues and to ensure financial sustainability and resilience. We will focus on our core business, which is education, research, and research impact.

We will be creative and strategic in creating a bold new financial model in sustaining our expenses and we cannot be complacent any more in our financial management. With new economic challenges, we will face even more challenges.

That is why we will have new bold ventures for the good of our university. This includes setting up our branches and campuses abroad for different levels of study. We will also have an expanded global presence in key countries in having our research centres and student and community centres in strategic areas and zones in different regions and countries that will have a direct impact on the community, country, and region in that particular geographical area, besides expanding our global impact footprint.

We will ensure our own financial sustainability without continuing to rely on government funding.

“
We will focus on our core business, which is education, research, and research impact.
”



In doing all these to drive us forward, the speed of doing things remains the most critical.

Change is difficult, but it won't be difficult if it is mission led and purpose driven.

Think big. This is not only for the Universiti Malaya community but for the global community.

We must do things out of sincerity from the heart. We teach the younger generations and guide them with knowledge not just out of our normal obligations but out of sheer passion and for humanistic duty to develop the love for knowledge and in shaping our common future. It is not just the quest for money or salaries per se, but for a higher purpose.

Being the forerunner in educational and research eminence, the university is stamping its mark on brave, audacious and unwavering principles, and stance in leading global drive in creating forward looking solutions to the world's challenges with resonance and people driven changes.

We in Universiti Malaya believe that the future starts here and now, and this platform serves the ultimate purpose of creating a new frontier of future driven strategic and critical discourse in shaping and providing targeted, forward-looking, and impactful resilience in identified sectors that will propel the country in the next 100 years.

“
We will be creative and strategic in creating a bold new financial model...
”



“
Meaningful solutions must be created for the challenges of the future...

Meaningful solutions must be created for the challenges of the future, ranging from climate change to seeking a new pathway in exploring the limits of science and the mystery of the universe.

What we do now and what we have done for the programme will bear fruits in unimaginable ways down the road in the years and decades to come.

”
We might not realise the power and impact of our efforts and contributions now, but these will shape the future of the nation and mankind.

Hence, we should be proud of our collective efforts and commitment in uplifting our recognition and reputation in the world.

Let us continue our camaraderie and teamwork to do all these for the nation and humanity. To quote An African Proverb from Martha Goedert, “If you want to go fast, go alone, if you want to go far, go together”.

We are here to make bold changes and let us start from now, for our new beginning of rejuvenation and bold reform and transformation.

Echoing what the Prime Minister has stated repeatedly, the time is now to stop the rot and to start an audacious new drive in steering the future and changing the nation and the world. It is a new dawn for us in this drive to lead the whole nation and to drive humanity in the next century, and we have a monumental task ahead.

With the right conviction, we must take the lead and all of us are indispensable in this common goal.

With great conviction pillared on a mission led and purpose driven mantra, the university seeks to change the world and humanity for the better in the quest for glory and a new hope for mankind, with our statement: **Home of the Bright, Land of the Brave. Di Sini Bermulanya Pintar, Tanah Tumpahnya Berani.**

With great power comes great responsibility. I take the awesome responsibility of helming the nation’s top university very seriously, and I will not let my guard down in ensuring all of us play our part in navigating this journey together.

We have come a long way since 1905 and the new year of 2024 will be the year of our rejuvenation and transformation towards our next long term and future driven goal of the next 100 years for Universiti Malaya.

We will strive as one and we will make Universiti Malaya even greater in the future for generations to come and for the best of humanity and the world.

Home of the Bright, Land of the Brave
Di Sini Bermulanya Pintar, Tanah Tumpahnya Berani

THE BEST IS YET TO COME.

Sekian wabillahi Taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

